

**Title : Aku Budak Kampung**

**Composer :**

**Lyricist :**

Duri di kaki  
Peluh di dahi  
Pacat dan lintah  
Teman biasa  
Berladang bersawah  
Ku membantu ayah  
Bila tamat sekolah  
Hijrah kekota

Ikan di kali  
Ulam melata  
Mahal sekali  
Di tengah kota  
Jikalau begitu  
Elok di sana  
Rasa nak berjamu  
Cari sahaja

Ku budak kampung  
Kau budak kampung  
Oi orang kampung  
Di tengah kota  
Ku budak kampung  
Kau budak kampung  
Oi budak kampung  
Apa khabarnya  
Hai O.. Orang kampung  
Jangan kau lupa

Hai O.. Orang kampung  
Ibu dan ayah

Kuingin kembali  
Hidup bertani  
Segar bermandi  
Air telaga  
Memang di kampungku  
Asal usulku  
Biar pun dimana

Kupulang jua